

Jangan Khianati Amanah

Muhammad Hafiz Badaruzaman

Pensyarah Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia

Hari ini segala maklumat dan informasi dapat disampaikan dengan pantas dan cekap menerusi penggunaan akaun media sosial. Menurut Hootsuite and We Are Social dalam laporan terkini Digital 2019, Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dari segi penembusan media sosial mudah alih. Pengguna di Malaysia memanfaatkan masa mereka purata lapan jam lima minit sehari dalam aktiviti secara dalam talian, dan selama dua jam 59 minit daripada tempoh itu digunakan untuk media sosial.



BERITA PALSU

Maka itu, tidak hairanlah segala berita dan informasi yang disalurkan oleh pengguna media sosial di Malaysia lebih pantas dan “menyelerakan” berbanding dengan berita yang disalurkan oleh pihak berwajib. Hal ini telah mencetuskan situasi yang tidak diinginkan ketika negara kita dilanda wabak penularan COVID-19, kerana wujud sesetengah pengguna media sosial mendedahkan maklumat peribadi pesakit yang disyaki positif COVID-19 tanpa kebenaran pesakit. Lebih parah lagi apabila pengguna media sosial menyebarkan berita palsu atau yang belum pasti kesahihannya. Dua masalah ini menghantui situasi semasa negara memandangkan rakyat Malaysia tidak dibenarkan keluar rumah, dan masa banyak diperuntukkan dengan alat komunikasi dan telefon pintar bagi mengakses Internet dan menggunakan media sosial.

Berkaitan dengan pendedahan maklumat peribadi, beberapa profesion di Malaysia mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk merahsiakan maklumat peribadi pelanggan mahupun pelanggan masing-masing. Kebiasaannya kerjaya seperti ini memerlukan seseorang individu mempunyai lesen, tauliah atau pendaftaran tertentu, umpamanya pengamal undang-undang, pengamal perubatan dan kaunselor. Peraturan 35, Peraturan Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etika) 1978 menyatakan bahawa seseorang pengamal undang-undang tidak dibenarkan mendedahkan sebarang komunikasi yang diterima daripada pelanggan melainkan kebenaran telah diberikan oleh pelanggan tersebut.

Situasi pada hari ini rumit disebabkan pihak yang mampu mendedahkan maklumat peribadi, terutama mereka yang positif COVID-19 terdiri daripada dua kelompok, iaitu pihak berwajib dan pengguna media sosial, yakni orang awam. Pihak berwajib ialah mereka yang mempunyai maklumat pesakit secara terus. Selalunya mereka mempunyai kuasa untuk memberikan maklumat kepada orang awam, terutama ketika melaporkan perkembangan semasa berhubung wabak COVID-19 selepas mendapat kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak berwajib yang tidak mempunyai kuasa memberikan maklumat kepada orang awam. Contohnya, pengamal perubatan yang merawat pesakit tertentu. Sekiranya maklumat pesakit tertentu diberikan oleh pengamal perubatan ini tanpa kebenaran melalui media sosial, seperti facebook, whatsapp dan twitter terutama ketika penularan wabak COVID-19, pengamal perubatan tersebut telah melanggar peruntukan Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

1988 (Akta 342), iaitu memelihara kerahsiaan ketika melaksanakan tugas rasmi, dan jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau didenda, atau kedua-duanya sekali.

Dalam Islam, pengamal perubatan tersebut mempunyai tanggungjawab yang dinamakan sebagai amanah untuk menjaga maklumat peribadi pesakit. Kegagalan mematuhi tanggungjawab tersebut dianggap sebagai mengkhianati amanah. Orang yang mengkhianati amanah boleh digelar sebagai munafik. Hal ini bertepatan dengan sepotong hadis sahih yang bermaksud, “Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila berbicara dia dusta, apabila berjanji tidak ditepati, dan apabila diberikan amanah dia khianati.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, no. 32). Maka itu, janganlah khianati amanah yang diberikan oleh pemerintah, lebih-lebih lagi sewaktu krisis sebegini.

Sementara itu, orang awam yang mendedahkan maklumat peribadi pesakit tanpa kebenaran telah melakukan kesalahan dan boleh didakwa serta didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya berdasarkan Seksyen 5 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Melalui Akta 709, maklumat atau data peribadi sensitif bermaksud apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data.

Perbuatan mendedahkan maklumat peribadi pesakit oleh orang awam sama seperti mendedahkan aib seseorang. Ibn Umar r.a. menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang mencari-cari aib (atau kelemahan) saudaranya yang Muslim, nescaya Allah akan membuka aibnya walaupun dia berada di dalam rumahnya.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi, no. 2032). Hadis ini menunjukkan bahawa kita perlu menjaga aib seseorang kerana keburukan yang kita lakukan pasti akan dibalas setimpal, bahkan lebih besar daripada Allah SWT.

Oleh itu, sebarang cubaan untuk mendedahkan maklumat peribadi pesakit tanpa kebenaran menjadi satu kesalahan serius kepada kita selaku pengguna media sosial. Lebih menyedihkan lagi, kita secara sengaja mengutuk pesakit tersebut untuk meraih populariti dengan membuat spekulasi dan berita palsu. Tindakan kita itu tidaklah membantu kerajaan untuk mengurangkan penularan wabak ini, tetapi menambatkan beban kerajaan untuk menangkis tohmahan dan menghentikan penyebaran berita palsu. Winston Churchill pernah menyebut bahawa, “Pena (penulisan) lebih tajam daripada mata pedang.” Berhati-hatilah dengan apa-apa yang kita lakukan di media sosial kerana kita tidak mahu perlakuan itu menikam diri kita sendiri. **DTI**